




PELAN STRATEGIK

JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN

2021 - 2025

(PINDAAN TAHUN 2023)



Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian terbitan ini boleh diterbitkan semula atau ditukar dalam apa jua bentuk dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Jabatan Wilayah Persekutuan.

Diterbitkan oleh:

Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik
Jabatan Wilayah Persekutuan

Aras 6, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2
62100 Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Tel : 603-8889 7888

Faks : 603-8889 7920

Web : <https://www.jwp.gov.my>

E-mel : upp@jwp.gov.my



WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Ibu Negara Malaysia. Telah diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan pada **1 Februari 1974**



ISI KANDUNGAN

KATA-KATA ALUAN Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan	2	TERAS STRATEGIK 1: Wilayah Bersih	13
PENDAHULUAN	3	TERAS STRATEGIK 2: Keselamatan Awam	21
LATAR BELAKANG Jabatan Wilayah Persekutuan	3	TERAS STRATEGIK 3: Sistem Pengangkutan Yang Efisien	28
FUNGSI Jabatan Wilayah Persekutuan	5	TERAS STRATEGIK 4: Sosio Ekonomi Mampan	32
PUNCA KUASA	5	TERAS STRATEGIK 5: Persekitaran Hijau	40
PEMEGANG TARUH (STAKEHOLDERS) DAN PELANGGAN	7	TERAS STRATEGIK 6: Komuniti Inklusif	44
ANALISIS SWOT PELAN STRATEGIK Jabatan Wilayah Persekutuan	8	TERAS STRATEGIK 7: Perancangan Dan Pengurusan Pembangunan Guna Tanah Mampan	48
HALA TUJU STRATEGIK Moto Visi Misi Nilai Bersama	10	TERAS STRATEGIK 8: Mengukuhkan Tadbir Urus Dan Keupayaan Organisasi	55
TERAS STRATEGIK DAN PELAN TINDAKAN Jabatan Wilayah Persekutuan	11	MEKANISME PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN Jawatankuasa Pemandu Pelan Strategik (JKPPS) JWP Jawatankuasa Pelaksana Pelan Strategik (JKLPS) JWP	61
		PENUTUP	62

KATA-KATA ALUAN

Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan

Izinkan saya untuk merakamkan ucapan setinggi tahniah kepada semua pihak yang terlibat dengan penyediaan Pelan Strategik Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) (PSJWP) 2021-2025 ini. Semoga segala usaha dan komitmen yang telah diberikan oleh semua pihak akan dapat membantu dan menyumbang kepada matlamat kerajaan dalam menyediakan kehidupan rakyat yang lebih selesa, makmur dan sejahtera secara khususnya di Wilayah Persekutuan.

PSJWP digarap selari dengan hala tuju peringkat nasional yang berdasarkan kepada tiga agenda utama *Sustainable Development Goals* (SDG), Rancangan Malaysia ke-12 serta Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Pelbagai inisiatif dan program dirancang dalam usaha memastikan JWP akan terus fokus dalam memberikan perkhidmatan terbaik seperti yang dihasratkan oleh semua *stakeholder* yang berkaitan.

Secara realitinya, JWP adalah sebuah Jabatan yang unik kerana ia memainkan fungsi Persekutuan dan “negeri” secara serentak. Dalam hal ini, semua strategi dan program yang direncanakan di peringkat Persekutuan hingga peringkat tiga (3) kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Labuan perlu dilaksanakan dengan kaedah yang lebih inovatif supaya petunjuk prestasi utama (KPI) Jabatan dapat dicapai dengan jayanya.

Kecemerlangan JWP perlu diteruskan dengan sentiasa menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan demi memastikan usaha untuk merakamkan perkhidmatan awam dapat dicapai dalam tempoh 5 tahun yang akan datang. Ini adalah komitmen JWP demi menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Semoga segala pelan tindakan yang dirancang dalam PSJWP ini akan dapat dilaksana dan direalisasikan dengan penuh rasa tanggungjawab, amanah dan berintegriti demi memastikan kemakmuran dan kesejahteraan berterusan warga Wilayah Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

**YBHG. DATUK SERI HAJAH ROSIDA
BINTI JAAFAR**



PENDAHULUAN

Pelan Strategik Jabatan Wilayah Persekutuan 2021-2025

Pelan Strategik Jabatan Wilayah Persekutuan (PSJWP) 2021-2025 bertujuan memastikan hala tuju Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dan agensi-agensi di bawahnya (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya (PPJ), Perbadanan Labuan (PL), Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB), Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PTGWP) dan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP)) dapat direalisasikan. Strategi-strategi yang dirancang untuk dilaksanakan di sepanjang tahun 2021-2025 menjadi wadah penyampaian perkhidmatan JWP dan agensi di bawahnya selaras dengan tema "Wilayah Persekutuan Untuk Semua".

PSJWP ini telah dirangka melalui penglibatan dan penyertaan sepenuhnya daripada semua Bahagian dan Agensi. PSJWP ini digarap sejajar dengan matlamat dan hala tuju nasional yang berpaksikan kepada tiga (3) inisiatif utama iaitu melibatkan *Sustainable Development Goals* (SDG), Rancangan Malaysia ke-12 serta Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, yang bermatlamatkan kepada pembangunan mampan dan penyediaan taraf hidup yang wajar (*Decent standard of living*) kepada semua rakyat Malaysia.

Strategi-strategi yang digariskan dalam PSJWP ini akan menjadi panduan bagi menggerakkan segala sumber untuk pembangunan Wilayah Persekutuan di bawah skop bidang perkhidmatan Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya bersandarkan kepada prinsip utama meningkatkan daya saing bandar di Wilayah Persekutuan.

PSJWP 2021-2025 ini menggariskan 8 teras strategik dan 26 strategi dalam pelan tindakan. Bagi memastikan objektif setiap teras strategik tercapai, pemantauan yang berterusan perlu dilaksanakan. Oleh itu, pelan strategik ini seharusnya menjadi rujukan dan panduan kepada Bahagian dan Agensi dalam membangunkan perancangan dan sasaran kerja masing-masing. Status pelaksanaan PSJWP ini akan dinilai, dipantau dan disemak dari semasa ke semasa bagi menghasilkan impak yang dihasratkan.

LATAR BELAKANG

Jabatan Wilayah Persekutuan



Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) diwujudkan yang mana antara fungsi KWP pada ketika itu adalah sebagai penyelarasan perancangan dan pembangunan Kuala Lumpur dan kawasan Lembah Klang. Penubuhan Kementerian ini adalah sejajar dengan penubuhan Majlis Perancangan Wilayah Lembah Klang dan Jawatankuasa Kerja Perancangan Wilayah Lembah Klang.



KWP telah berfungsi sebagai sebuah bahagian di bawah pentadbiran Jabatan Perdana Menteri yang beroperasi sebagai Unit Perancangan Lembah Klang.

2004

Penyusunan semula Jemaah Menteri pada 27 Mac 2004 telah menyaksikan Kementerian ini ditubuhkan semula untuk memberi tumpuan khusus terhadap kemajuan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

2009

Bermula 23 Oktober 2009, fungsi dan tanggungjawab KWP diperkukuh dan diperluaskan untuk membasmi kemiskinan bandar seluruh negara dan melaksanakan program kesejahteraan bandar.

2019

Fungsi Kementerian Wilayah Persekutuan telah diperluaskan dengan kemasukan 3 agensi baharu iaitu; Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia), Jabatan Landskap Negara (JLN) dan Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PTGWP).

2013

Pada 15 Mei 2013, fungsi kesejahteraan bandar bagi bandar seluruh negara telah dipindahkan ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Dengan pemindahan fungsi ini, fokus KWP terus menjurus kepada perancangan pembangunan dan kesejahteraan di Wilayah Persekutuan.

2020

Fungsi agensi iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) dan Jabatan Landskap Negara (JLN) dikembalikan semula kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

2023

Fungsi Kementerian Wilayah Persekutuan telah distruktur semula menjadi Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Berasaskan Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan ["P.U. (A) 27/2023"] memperuntukkan agar YAB Perdana Menteri merupakan Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab mengenai Wilayah Persekutuan serta menjalankan fungsi JWP seperti berikut:

FUNGSI

Jabatan Wilayah Persekutuan

Jabatan Wilayah Persekutuan bertanggungjawab untuk merancang, mengurus, melaksana, memantau, dan menilai kemajuan dan pembangunan yang mampan dengan fokus kepada:

1. Merancang, menyelaraskan, melaksanakan, memantau dan menetapkan dasar-dasar bagi kemajuan dan pembangunan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan dan kawasan pembangunan Kampong Bharu;
2. Merancang, menyelaraskan, melaksanakan dan memantau dasar-dasar mengenai kerajaan tempatan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan;
3. Merancang, menyelaraskan, melaksanakan dan memantau perancangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan dan kawasan pembangunan Kampong Bharu;
4. Dasar-dasar mengenai hal ehwal bandar raya Kuala Lumpur, bandar Putrajaya dan bandar Labuan;
5. Dasar-dasar mengenai kadar-kadar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan; dan
6. Perintah tahanan oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah Kanun Tatacara Jenayah.

PUNCA KUASA

Jabatan Wilayah Persekutuan

Agensi yang berada di bawah JWP sebagaimana yang diperuntukkan dalam Jadual kepada P.U. (A) 27/2023 adalah seperti berikut:

1. Perbadanan Putrajaya;
2. Perbadanan Labuan;
3. Majlis Sukan Wilayah Persekutuan;
4. Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu;
5. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL); dan
6. Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PTGWP).

P.U. (A) 27/2023 turut menyenaraikan pelaksanaan fungsi dan kuasa Menteri yang bertanggungjawab terhadap Wilayah Persekutuan di bawah undang-undang yang berikut:

1. Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 [Akta 190];
2. Akta Bandaraya Kuala Lumpur 1971 [Akta 59];
3. Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 [Akta 267];
4. Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992 [Akta 493];
5. Akta Hotel (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2003 [Akta 626];
6. Akta Perbadanan Putrajaya 1995 [Akta 536];
7. Akta Perbadanan Labuan 2001 [Akta 609];
8. Akta Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu 2011 [Akta 733];
9. Akta Hakmilik Anak Negeri Labuan 2007 [Akta 667];
10. Akta Pembekalan Air (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1998 [Akta 581];
11. Akta Air 1920 [Akta 418];
12. Ordinan Pelesenan Perdagangan 1949 [Sabah Bab 144]; dan
13. Ordinan Pengangkutan 1960 [Sabah No.23/1960].

PEMEGANG TARUH (STAKEHOLDERS) DAN PELANGGAN

Jabatan Wilayah Persekutuan

Pemegang taruh merupakan pihak yang mempunyai kepentingan terhadap keberhasilan program yang mana kebiasaannya adalah merupakan pihak yang membuat dasar terhadap program atau yang boleh mempengaruhi dasar terhadap program. Pemegang taruh terdiri daripada pemegang taruh langsung dan tidak langsung.

Pemegang taruh langsung merupakan pihak yang mempunyai kepentingan dan bertanggungjawab secara langsung terhadap program dan dasar Kementerian. Manakala, pemegang taruh tidak langsung merupakan entiti yang mempunyai kepentingan tetapi tidak bertanggungjawab secara langsung terhadap program dan dasar Kementerian. Dalam konteks JWP, pemegang taruh langsung dan tidak langsung adalah seperti berikut:

LANGSUNG	TIDAK LANGSUNG
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI LAIN
JEMAAH MENTERI	AHLI PARLIMEN
KETUA SETIAUSAHA NEGARA	PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI / PIHAK BERKUASA TEMPATAN
KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM	PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI / PIHAK BERKUASA TEMPATAN (yang bersempadanan dengan Wilayah Persekutuan)
	LEMBAGA PENGARAH DAN LEMBAGA PENASIHAT AGENSI BAWAH JWP
	BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO)

PELANGGAN

Pelanggan merupakan individu atau organisasi yang menggunakan perkhidmatan yang ditawarkan samada secara langsung atau tidak langsung. Fokus utama JWP adalah untuk memberikan perkhidmatan kepada pelanggan langsung yang telah dikenal pasti. Dalam konteks JWP, pelanggan langsung dan tidak langsung adalah seperti berikut:

LANGSUNG	TIDAK LANGSUNG
WARGA WILAYAH PERSEKUTUAN (termasuk Persatuan Penduduk, Atlet, Persatuan Sukan dan Persatuan Penjaja)	PERWAKILAN / ORGANISASI ASING DAN ANTARABANGSA
SEKTOR SWASTA/ MASYARAKAT NIAGA	WARGA ASING

ANALISIS SWOT PELAN STRATEGIK

Jabatan Wilayah Persekutuan

KEKUATAN

STRENGTHS

1.	Pengurusan atasan dan semua pegawai serta kakitangan menunjukkan komitmen yang tinggi dalam melaksanakan sistem pengurusan yang berkualiti
2.	Majoriti pegawai dan kakitangan mempunyai kesedaran dan pengetahuan mengenai dasar-dasar yang sedang dilaksanakan dan objektif-objektif yang hendak dicapai
3.	Tindakan pembetulan dan tindakan pencegahan terhadap masalah amat berkesan
4.	Penambahbaikan yang berterusan diamalkan menggunakan data-data terkini
5.	Kawalan-kawalan operasi telah dirancang dan dibangunkan
6.	Sumber-sumber telah digunakan hingga menghasilkan kepuasan pelanggan
7.	Penyertaan agensi - agensi baharu telah mengukuhkan kekuatan Kementerian selaku penerajupemodenan bandar
8.	Wilayah Persekutuan merupakan wilayah yang menjadi tumpuan pelabur dan pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi dan pentadbiran negara
9.	Komposisi populasi daripada pelbagai kaum dan budaya serta keadaan politik yang stabil dan matang
10.	Pusat bagi sektor pentadbiran, perkhidmatan dan perniagaan
11.	Kemudahan infrastruktur fizikal, pengangkutan dan teknologi maklumat yang moden dan menyeluruh di Kuala Lumpur dan Putrajaya

KELEMAHAN

WEAKNESSES

1.	Pertukaran keluar tenaga kerja pakar
2.	Penyelarasan skop dan fungsi dengan Kementerian dan agensi lain

PELUANG

OPPORTUNITIES

1.	Penjanaan hasil ekonomi baharu di Wilayah Persekutuan
2.	Kuala Lumpur sebagai penanda aras bandar mampan di Malaysia

ANCAMAN

THREATS

1.	Sumber yang terhad untuk menyediakan infrastruktur dan kemudahan perbandaran yang bertaraf dunia
2.	Kebanjiran warga asing di Wilayah Persekutuan dan aktiviti ekonomi yang didominasi oleh golongantersebut menyekat peluang warga tempatan serta menjejaskan aktiviti ekonomi warga tempatan
3.	Peningkatan kos sara hidup bandar menjurus kepada permasalahan sosial
4.	Peningkatan nilai hartanah menyebabkan kesukaran bagi pemilik rumah golongan B40
5.	Amalan pembangunan yang tidak mampan dan menjejaskan kualiti alam sekitar

HALA TUJU STRATEGIK

Jabatan Wilayah Persekutuan

MOTO

Wilayah Persekutuan
Untuk Semua

VISI

Menjadi Wilayah Persekutuan
Yang Maju Dan Sejahtera serta
Peneraju Pembangunan yang
Mampan

MISI

Peneraju Pembangunan
Mampan Fizikal, Ekonomi,
Sosial dan Alam Sekitar melalui
Kerjasama Strategik yang
Inklusif

NILAI

B E R S A M A

Empat (4) nilai bersama yang dipegang
dan dihayati di JWP membentuk akronim
P.A.D.U seperti berikut :

P - PRIHATIN

Sentiasa cakna terhadap warga Wilayah
Persekutuan ke arah menyediakan taraf hidup
yang wajar (*decent standard of living*)

A - AMANAH

Menjaga amanah warga Wilayah Persekutuan
melalui perkhidmatan yang berintegriti

D - DINAMIK

Menyediakan perkhidmatan yang mampu
memberikan pembaharuan serta kemajuan
terhadap Wilayah Persekutuan

U - UTOPIA

Menjadi warga Wilayah Persekutuan yang ideal
dan lebih baik dengan mengamalkan nilai-nilai
murni yang disuruh agama

TERAS STRATEGIK DAN PELAN TINDAKAN

Jabatan Wilayah Persekutuan

VISI DAN MISI JWP

PELAN STRATEGIK

TERAS 1

WILAYAH
BERSIH

3 STRATEGI
7 PROGRAM

TERAS 2

KESELAMATAN
AWAM

4 STRATEGI
15 PROGRAM

TERAS 3

SISTEM
PENGANGKUTAN
YANG EFISIEN

2 STRATEGI
7 PROGRAM

TERAS 4

SOSIO EKONOMI
MAMPAN

4 STRATEGI
11 PROGRAM



The background features a stylized illustration of a city skyline on the left, with various skyscrapers and a bridge. On the right, there is a large, detailed line-art drawing of a multi-story building with a curved facade and a central tower. The title text is overlaid on the left side of the image.

TERAS **STRATEGIK 1**

WILAYAH BERSIH

PELAN
STRATEGIK JWP
2021-2025

STRATEGI 01**MEMPERKASAKAN BUDAYA BERSIH DI
KALANGAN WARGA WILAYAH PERSEKUTUAN****STRATEGI 02****MEMPERKUKUHKAN KERJASAMA ANTARA
JABATAN / AGENSI / PIHAK BERKUASA****STRATEGI 03****MEMPERKASAKAN PROGRAM PEMBERSIHAN
SUNGAI DI WILAYAH PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR****Menerusi Strategi ini JWP akan:**

- a. Meningkatkan penggunaan produk biodegradasi di Wilayah Persekutuan;
- b. Meningkatkan kadar kitar semula di Wilayah Persekutuan;
- c. Meningkatkan kadar kebersihan sungai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur;
- d. Melaksanakan penerapan nilai murni warga Wilayah Persekutuan yang menghayati konsep kebersihan dalam semua aspek kehidupan; dan
- e. Mewujudkan warga Wilayah Persekutuan yang mempunyai '*sense of belonging*' dalam sama-sama memelihara tahap kebersihan Wilayah Persekutuan.

TERAS STRATEGIK 1

WILAYAH BERSIH

BIDANG FOKUS UTAMA	WILAYAH PERSEKUTUAN YANG BERSIH
STRATEGI 1	MEMPERKASAKAN BUDAYA BERSIH DI KALANGAN WARGA WILAYAH PERSEKUTUAN

PELAN TINDAKAN

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN / PERATURAN)	TAHUN / TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
1. Penguatkuasaan terhadap penggunaan produk plastik dan meningkatkan penggunaan produk biodegradasi	Peratus premis perniagaan di WP menggunakan produk biodegradasi sepenuhnya	70%	2025	BPKT / DBKL / PPj / PL
1.1 Mewajibkan premis perniagaan di WP menyediakan produk biodegradasi sahaja (sudu, straw, pinggan, beg, dsb.)	<u>Kategori 1</u> (Pusat membeli-belah)			
	<u>Kategori 2</u> (Premis makanan / peniaga / penjaja)			
	Peratus pengurangan bilangan kompaun yang dikenakan kepada peniaga-peniaga yang ingkar setiap tahun	10% purata pengurangan dalam tempoh 5 tahun	2021-2025	BPKT / DBKL / PPj / PL
1.2 Memperkasakan elemen punitif terhadap pemegang lesen perniagaan di WP dengan mewujudkan dan melaksanakan SOP penguatkuasaan produk biodegradasi	Bilangan SOP penguatkuasaan *Pembekal untuk patuh kepada SOP	1 SOP	2021 (berterusan)	BPKT / DBKL / PPj / PL

TERAS STRATEGIK 1

WILAYAH BERSIH

BIDANG FOKUS UTAMA	WILAYAH PERSEKUTUAN YANG BERSIH
STRATEGI 1	MEMPERKASAKAN BUDAYA BERSIH DI KALANGAN WARGA WILAYAH PERSEKUTUAN

PELAN TINDAKAN

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN / PERATUSAN)	TAHUN / TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
2. Membudayakan amalan kitar semula di kalangan warga WP Menambah bilangan pusat kitar semula di lokasi yang lebih strategik dan memperluaskan pelaksanaan inisiatif pusat kitar semula bergerak	Bilangan pusat kitar semula bergerak di setiap zon pada satu-satu masa *Data Zon dan PKS	Sekurang-kurangnya 1 trak kitar semula	2025	BDPS / DBKL / PPj / PL
	Bilangan program kitar semula bergerak di bangunan kerajaan dan swasta	40 program	2021-2025	DBKL
3. Menambahbaik Insentif Kitar Semula Mengadakan kolaboratif dengan rewards cards (e.g. Bonuslink, Kad Mesra) dan Online Shopping Portal (e.g. Shopee, Lazada) untuk penebusan mata ganjaran.	Bilangan insentif / kolaboratif	Minima 2 insentif	2021-2025	BPKT / DBKL / PPj / PL

TERAS STRATEGIK 1

WILAYAH BERSIH

BIDANG FOKUS UTAMA	WILAYAH PERSEKUTUAN YANG BERSIH
STRATEGI 1	MEMPERKASAKAN BUDAYA BERSIH DI KALANGAN WARGA WILAYAH PERSEKUTUAN

PELAN TINDAKAN

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN / PERATURAN)	TAHUN / TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
4. Pengurangan tingkahlaku anti-sosial orang awam dalam pembuangan sampah, grafiti dan vandalisme	Bilangan program bersama komuniti bagi setiap kawasan / zon MPP (terutamanya program dengan kanak-kanak)	65 program	2021-2025	BSE / DBKL / PPj / PL
4.1 Mengadakan kempen kesedaran tentang pembuangan sampah, grafiti, dan vandalisme di peringkat komuniti menerusi MPP				
4.2 Memupuk semangat pemilikan bersama dan cinta kepada tempat awam di kalangan warga WP (Program Gotong-Royong)	Bilangan pelaksanaan program Gotong-Royong Mega bagi setiap kawasan / zon MPP	15 program	2021-2025	BSE / DBKL / PPj / PL
4.3 Program "Pembudayaan Bersih" dalam memperkasakan budaya kebersihan dan memastikan fasiliti mengikut keperluan sebenar warga / komuniti / industri	Bilangan program bersih	25 program	2021-2025	BDPS / PPj / PL
	Bilangan program kitar semula	70 program	2021-2025	DBKL
	Penyediaan Dokumen <i>Blueprint</i> Kawalan Pencemaran Alam Sekitar	1 dokumen	2021-2022	DBKL

TERAS STRATEGIK 1

WILAYAH BERSIH

BIDANG FOKUS UTAMA	WILAYAH PERSEKUTUAN YANG BERSIH
STRATEGI 1	MEMPERKASAKAN BUDAYA BERSIH DI KALANGAN WARGA WILAYAH PERSEKUTUAN

PELAN TINDAKAN

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN / PERATURAN)	TAHUN / TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
4.4 Program Pemerkasaan Kebersihan dan Kesihatan warga	Bilangan program pemerkasaan	2 program	2021-2025	BDPS / PPj / PL
	Bilangan pemantauan berkala	20 kali pemantauan	2021-2025	BDPS / PPj / PL
	Bilangan pelaksanaan operasi 'anti litter'	500 operasi	2021-2025	DBKL
4.5 Program Pengukuhan Budaya Integriti Komuniti Wilayah Persekutuan	Bilangan program sebaran nilai murni budaya integriti	20 program	2021-2025	BSE / PPj / PL
	Bilangan program peningkatan jati diri	50 program	2021-2025	DBKL

TERAS STRATEGIK 1

WILAYAH BERSIH

BIDANG FOKUS UTAMA	WILAYAH PERSEKUTUAN YANG BERSIH
STRATEGI 2	MEMPERKUKUHKAN KERJASAMA ANTARA JABATAN / AGENSI / PIHAK BERKUASA

PELAN TINDAKAN

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN / PERATURAN)	TAHUN / TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
1. Memperkenalkan sistem penandaarasan dan penarafan kebersihan	Bilangan lawatan ke kawasan parlimen	44 lawatan	2021-2025	BDPS / DBKL
1.1 Lawatan program penarafan ke 11 kawasan parlimen di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur				
1.2 Program Anugerah Zon / Kawasan Parlimen Wilayah Persekutuan Terbersih	Bilangan program anugerah bagi zon / kawasan parlimen WP	3 program (1 program x 3 PBT)	2021-2025	BDPS / DBKL / PPj
1.3 Penarafan Bintang Tandas Awam Milik PBT	Peratusan tandas awam milik PBT yang diberikan penarafan	100%	2021-2025	BDPS / DBKL / PPj / PL
2. Program penambahbaikan kebersihan pasar awam / pasar borong di Wilayah Persekutuan dengan melaksanakan Sistem Penarafan Bintang-Pasar Awam dengan kerjasama pihak berkaitan (JAS, SWCorp, dll)	Peratusan pasar awam milik PBT yang diberikan penarafan	100%	2021-2025	BDPS / DBKL / PL

TERAS STRATEGIK 1

WILAYAH BERSIH

BIDANG FOKUS UTAMA	WILAYAH PERSEKUTUAN YANG BERSIH
STRATEGI 3	MEMPERKASAKAN PROGRAM PEMBERSIHAN SUNGAI DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

PELAN TINDAKAN

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN / PERATUSAN)	TAHUN / TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
1. Bilangan program / projek pembersihan sungai di bawah program ' <i>River of Life</i> '	Bilangan program / projek	10 program / projek	2021-2025	BPP

The background features a stylized, light gray line-art illustration of a modern building with a curved facade and multiple levels. To the left, there is a darker, more detailed illustration of a city skyline with various skyscrapers and a bridge, partially obscured by a diagonal gray band that runs from the top left towards the bottom right.

TERAS **STRATEGIK 2**

KESELAMATAN AWAM

**PELAN
STRATEGIK JWP
2021-2025**

STRATEGI 01**PENGUKUHAN PELAKSANAAN
PROGRAM BANDAR SELAMAT (PBS)****STRATEGI 02****MENINGKATKAN TADBIR URUS DAN
INTEGRITI PENGUATKUASAAN KESELAMATAN****STRATEGI 03****MENJAMIN KESELAMATAN DAN
KETENTERAMAN AWAM****STRATEGI 04****MEMERANGI ISU SOSIAL****Menerusi Strategi ini JWP akan:**

- a. Mewujudkan tadbir urus yang baik dan berintegriti;
- b. Menambahbaik sistem penyampaian seiring dengan teknologi terkini;
- c. Mewujudkan "*check and balance*";
- d. Menambahbaik keselamatan persempadanan dan pulau-pulau ;
- e. Memupuk semangat pertahankan diri, komuniti dan negara;
- f. Memperkukuhkan kolaboratif untuk mewujudkan kemakmuran bersama;
- g. Menerapkan langkah pencegahan kepada isu dan masalah sosial;
- h. Memperkasa kawal selia dan panduan kepada NGO kebajikan di KL; dan
- i. Mewujudkan persekitaran selamat dan mesra OKU di peringkat semua PBPT.

TERAS STRATEGIK 2

KESELAMATAN AWAM

BIDANG FOKUS UTAMA	KESELAMATAN DAN KETENTERAMAN AWAM: TANGGUNGJAWAB BERSAMA
STRATEGI 1	PENGUKUHAN PELAKSANAAN PROGRAM BANDAR SELAMAT (PBS)

PELAN TINDAKAN

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN / PERATURAN)	TAHUN / TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
1. Perluasan langkah-langkah Program Bandar Selamat (PBS) kepada kawasan hotspot dan tumpuan awam di PPj dan PL seperti: • Pencahayaan; • Pemasangan CCTV; • Pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor; • Pemasangan cermin keselamatan; • Pemasangan papan tanda keselamatan; dan penyediaan redaan trafik (<i>traffic calming</i>) di kawasan perumahan.	Peratusan <i>hotspot</i> atau kawasan tumpuan awam diperluaskan	50%	2021-2025	PPj / PL
	Bilangan projek dan program meningkatkan langkah-langkah Bandar Selamat Putrajaya	10 projek	2021-2025	PPj
2. Pelaksanaan Program Bandar Selamat bersama Rakan Strategik <i>Task Force</i> Bandar Selamat Putrajaya	Program kesedaran dan penghayatan	50 program	2021-2025	PPj

TERAS STRATEGIK 2

KESELAMATAN AWAM

BIDANG FOKUS UTAMA	KESELAMATAN DAN KETENTERAMAN AWAM: TANGGUNGJAWAB BERSAMA
STRATEGI 1	PENGUKUHAN PELAKSANAAN PROGRAM BANDAR SELAMAT (PBS)

PELAN TINDAKAN

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN / PERATUSAN)	TAHUN / TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
3. Pematuhan garis panduan <i>Crime Prevention Through Environmental Design</i> (CPTED) dalam permohonan cadangan pemajuan. Antara elemen Bandar Selamat: • Pencahayaan • Pagar keselamatan dan <i>Bollard</i> • <i>Green buffer</i> • Cermin cembung • Mengemas semak samun CCTV UAS (<i>Unmanned Aircraft System</i>) <i>Surveillance</i>	Setiap Permohonan Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan mematuhi garis panduan CPTED	100%	2021-2025	DBKL / PPj / PL
4. Pelaksanaan model Bandar Selamat	1 model	1 PBT	2021-2025	PPj
5. Pelaksanaan <i>Putrajaya Command Centre</i>	Menyiapkan <i>Putrajaya Command Centre</i>	100%	2021-2025	PPj

TERAS STRATEGIK 2

KESELAMATAN AWAM

BIDANG FOKUS UTAMA	KESELAMATAN DAN KETENTERAMAN AWAM: TANGGUNGJAWAB BERSAMA
STRATEGI 2	MENINGKATKAN TADBIR URUS DAN INTEGRITI PENGUATKUASAAN KESELAMATAN

PELAN TINDAKAN

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN / PERATURAN)	TAHUN / TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
1. Meningkatkan keberkesanan tadbir urus keselamatan dan ketenteraman awam termasuk menambah baik proses semak dan imbang	Bilangan semakan semula manual / SOP sedia ada	6 kali	2021-2025	DBKL / PPj / PL
	Penyediaan Pelan Strategik Penguatkuasaan DBKL 2030			
	i. Peratus Penyediaan Pelan Strategik; dan ii. Peratus Pelaksanaan Pelan Strategik	100% 50%	2021 2022 - 2025	DBKL DBKL
2. Mengukuhkan jati diri dan integriti melalui penerapan nilai-nilai murni dalam kalangan warga penguatkuasaan	Bilangan program jati diri	12 kali	2021-2025	PPj / PL / PTGWP
3. Mengkaji keperluan untuk menambahbaik aset-aset keselamatan dengan menggunakan teknologi terkini	Bilangan kajian penilaian semula kesiapsiagaan aset keselamatan	3 kali	2021-2025	DBKL / PPj / PL
4. Memperkasakan profesionalisme dan kompetensi modal insan warga penguatkuasa	Bilangan modul kompetensi penguatkuasa	1 modul	2021-2025	PPj / PL / DBKL

TERAS STRATEGIK 2

KESELAMATAN AWAM

BIDANG FOKUS UTAMA	KESELAMATAN DAN KETENTERAMAN AWAM: TANGGUNGJAWAB BERSAMA
STRATEGI 3	MENJAMIN KESELAMATAN DAN KETENTERAMAN AWAM

PELAN TINDAKAN

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN / PERATUSAN)	TAHUN / TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
1. Memupuk jati diri, semangat patriotisme, dan kesukarelawan dalam kalangan rakyat	Bilangan program	30 program	2021-2025	BSE / DBKL / PPj / PL
2. Mengawal kebanjiran warga asing	Bilangan operasi bersepadu peniaga dan penjaja haram / setinggan	3 operasi bersepadu (1 operasi bersepadu x 3 PBT)	2021-2025	DBKL / PPj / PL
3. Mengukuhkan keselamatan kawalan sempadan dan pulau dengan memperkukuhkan libat urus penguatkuasaan dengan agensi penguatkuasaan	Bilangan sesi libat urus	3 kali	2021-2025	PL
4. Mempertingkatkan persekitaran <i>universal design</i> (mesra OKU), mesra warga emas dan kanak-kanak	Peratus pelaksanaan garis panduan	80%	2021-2025	DBKL / PPj / PL

TERAS STRATEGIK 2

KESELAMATAN AWAM

BIDANG FOKUS UTAMA	KESELAMATAN DAN KETENTERAMAN AWAM: TANGGUNGJAWAB BERSAMA
STRATEGI 4	MEMERANGI ISU SOSIAL

PELAN TINDAKAN

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN / PERATUSAN)	TAHUN / TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
1. Memperkukuhkan jalinan rakan strategik penguatkuasaan	Bilangan libat urus bersama agensi-agensi penguatkuasaan	15 libat urus	2021-2025	DBKL / PPj / PL
2. Mempertingkatkan program-program untuk memerangi isu sosial di kalangan remaja di perumahan awam	Bilangan program	18 program	2021-2025	DBKL / PPj / PL



TERAS **STRATEGIK 3**

**SISTEM PENGANGKUTAN
YANG EFISIEN**

**PELAN
STRATEGIK JWP
2021-2025**

STRATEGI 01**MEMBINA DAN MENAMBAHBAIK
INFRASTRUKTUR PENGANGKUTAN****STRATEGI 02****MEMPERKASAKAN JARINGAN PENGANGKUTAN
AWAM DAN MENGGALAKKAN PENGGUNAAN
PENGANGKUTAN AWAM**

Menerusi Strategi ini JWP akan:

- a. Menggalakkan pembudayaan "*walkable community*";
- b. Menggalakkan pembudayaan penggunaan pengangkutan awam;
- c. Mengurangkan beban kos sara hidup kepada penduduk berpendapatan rendah (B40);
- d. Meningkatkan amalan berjalan kaki dan penggunaan basikal oleh warga Bandar;
- e. Meningkatkan daya kebolehsampaian dan mobiliti dari kawasan penempatan – stesen transit (MRT/LRT)-destinasi (pejabat/tempat kerja);
- f. Meningkatkan kesedaran warga bandar tentang kepentingan dan faedah penggunaan pengangkutan awam;
- g. Mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian pada waktu puncak; dan
- h. Meningkatkan mobiliti rakyat.

TERAS STRATEGIK 3

SISTEM PENGANGKUTAN YANG EFISIEN

BIDANG FOKUS UTAMA	MENAMBAHBAIK INFRASTRUKTUR DAN MENINGKATKAN KECEKAPAN PENGANGKUTAN AWAM
STRATEGI 1	MEMBINA DAN MENAMBAHBAIK INFRASTRUKTUR PENGANGKUTAN

PELAN TINDAKAN

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN / PERATUSAN)	TAHUN / TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
1. Menaik taraf terminal feri penumpang sedia ada di WP Labuan	Menyediakan dan memperkasakan aspek- aspek keselamatan dan kemudahan	100% penyiapan projek	2021-2025	PL / BPKT
2. <i>Rail Mode Base System</i> di Putrajaya (tram / monorel)	Kajian pelaksanaan	1 kajian pelaksanaan	2022	PPJ / BPKT (Kolaboratif dengan MOT dan Agensi berkaitan)

TERAS STRATEGIK 3

SISTEM PENGANGKUTAN YANG EFISIEN

